

# Simulasi latih amal kemalangan pesawat di LTAKK

UB 11.10.2018 B3

KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menghantar mahasiswa dan mahasiswi UMS menyertai Program Latih Amal Kemalangan Pesawat pada 4 Oktober 2018 bertempat di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (LTAKK).

Program ini dianjurkan oleh Malaysia Airport Sdn Bhd bersama agensi-agensi terlibat.

Tujuan latihan ini dijalankan adalah bagi memenuhi keperluan Standard International Civil Aviation (ICAO) dan Civil Aviation Authority Malaysia (CAAM) di mana keperluan latihan itu hendaklah dijalankan



**PELAJAR** yang mengikuti latih amal kemalangan.

setiap dua tahun sekali bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Seramai 50 orang mahasiswa-mahasiswi UMS terlibat dalam program ini sebagai simulasi

pesakit untuk latih amal kemalangan pesawat.  
Turut terlibat dalam



**ANTARA** pelajar UMS yang menghadiri simulasi Latih Amal Kemalangan LTAKK bersama pegawai Malaysia Airport.

program berkenaan adalah

dari pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kesihatan

serta Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.